

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci syarikat-syarikat Tabung Haji (**TH**) yang mengalami kerugian dan berapakah jumlah kerugian yang dialami.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, Lembaga Tabung Haji (**TH**) mempunyai 16 anak-anak syarikat. Adalah lebih tepat untuk memahami secara menyeluruh dasar pelaburan **TH**. Semua pelaburan yang diceburi oleh **TH** adalah selaras dengan strategi dan dasar pelaburan **TH** iaitu pelaburan yang halal, berdaya saing, dengan risiko terkawal dan berpotensi memberi pulangan yang kompetitif.

Berikut adalah status semasa pretasi kesemua 16 anak-anak syarikat **TH** berdasarkan sektornya yang berikut :

No	Syarikat	Sektor	Prestasi
1	TH Properties Sdn Bhd	Hartanah	Untung
2	LTH Property Holdings Ltd	Hartanah	Untung

NO. SOALAN: 58

No	Syarikat	Sektor	Prestasi
3	LTH Property Holdings 2 Ltd	Hartanah	Untung
4	BIMB Holdings Berhad	Kewangan	Untung
5	TH Travel & Services Sdn Bhd	Hospitaliti	Untung
6	TH Plantation Berhad	Perladangan	Rugi
7	TH Estates (Holdings) Sdn Bhd	Perladangan	Rugi
8	Deru Semangat Sdn	Perladangan	Rugi
9	LTH Property Investment (L) Inc	Hartanah	Rugi
10	TH Indopalms Sdn Bhd	Perladangan	Rugi
11	TH Indo Industries Sdn Bhd	Perladangan	Rugi
12	Premia Card Sdn Bhd	Kewangan	Rugi
13	TH Hotel & Residence Sdn Bhd	Hospitaliti	Rugi
14	Theta Edge Berhad	Teknologi	Rugi
15	TH Marine Sdn Bhd	Marin	Rugi
16	TH Marine Holdings (L) Inc	Marin	Rugi

Untuk memastikan kedudukan **TH** dan anak-anak syarikat **TH** ini kembali pulih, pihak Kerajaan dan pengurusan **TH** telah mengambil langkah pengukuhan seperti berikut:

1) Pengukuhan tadbir urus

- Pengawalseliaan Bank Negara Malaysia bagi memastikan tadbir urus dan pengurusan pelaburan risiko yang lebih berhemat demi kepentingan awam.
- Laporan setiap suku tahun bagi memastikan pendeposit dapat mengikut prestasi semasa **TH**

NO. SOALAN: 58

2) Penjanaan Pendapatan yang lebih mampan

- Pelaksanaan penilaian dan penstrukturan semula semua aset pelaburan, terutamanya anak-anak syarikat **TH**.
- Mewujudkan komposisi Aset Alokasi strategi lebih berhemat dan kenyataan pengambilan risiko (*risk appetite statement*) untuk menjadi panduan pelaburan .

3) Pengurusan yang lebih berkhemat

- Mengukuhkan pengurusan risiko serta amalan pelaburan yang lebih berhemat dengan melaksanakan amalan pengurusan risiko terbaik.

4) Rasionalisasi kos

- Kajian menyeluruh kos pengurusan dan operasi Haji serta mekanisma terbaik
- Memanfaatkan sinergi diantara anak syarikat **TH** bagi mengawal kos operasi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan

Sekian. Terima kasih.